

# Lahir graduan terbilang, inspirasi pembangunan UMS

UB 06.02.2023 P.08

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan terus meningkatkan kapasiti dan kredibiliti universiti selari dengan 11 agenda yang digariskan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dalam Perutusan Tahun Baharu 2023 baru-baru ini.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor berkata, sejak ditubuhkan 28 tahun lalu, pembangunan UMS adalah berinspirasi

kepada usaha menjadikan universiti berkenaan sebagai pusat yang melahirkan graduan terbilang.

Katanya, UMS sebagai sebuah universiti komprehensif sentiasa menggalakkan para pensyarah untuk melakukan penyelidikan-penyelidikan yang bukan hanya memberi impak kepada kedudukan universiti, tetapi juga kepada kemaslahatan masyarakat.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan

taklimat perkembangan semasa serta pencapaian terkini UMS sempena kunjungan Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mohammad Yusof Apdal ke UMS di sini.

Kasim berkata, UMS tahun ini memperkenalkan slogan 'Leading Towards Innovative Societies' bagi melitipatgandakan lagi komitmen universiti sebagai peneraju ke arah melahirkan masyarakat yang berinovatif.

Menurutnya, ia sekali gus turut menjayakan aspirasi nasional sebagaimana yang dihasratkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menerusi slogan Malaysia Madani.

"Pelbagai program bersama masyarakat akan dilaksanakan dengan memfokus kepada proses pemindahan ilmu kepada komuniti setempat merangkumi empat sektor utama khususnya di Sabah iaitu pertanian, perindustrian, pelancongan, dan perkhidmatan.

"Bagi menjayakan matlamat ini, UMS akan memperluaskan jaringan kerjasama dengan pemegang taruh, mewujudkan lebih banyak 'Living Laboratory' dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan industri," katanya.

Dalam pada itu, Yusof yang diberi kepercayaan selaku Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi berkata, kementeriannya akan memastikan pendidikan tinggi negara menjadi salah satu tunjang utama kepada kemajuan negara.

"Menjadi hasrat kementeri-

an untuk mendekati semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) menerusi lawatan kerja seperti ini bagi memastikan pendekatan yang digagaskan di pihak kementerian dapat direncana dan dilaksanakan bersama dengan pihak IPT.

"Di samping itu, kita juga ingin melihat dan mendengar sendiri inisiatif-inisiatif IPT yang boleh dikongsikan dengan semua IPT," katanya.

Hadir sama, Timbalan



**BINCANG:** Kasim (kiri) mengadakan perbincangan bersama Yusof (kanan) sewaktu sesi taklimat itu.

Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UMS Prof. Dr. Rasid Mail; Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar

dan Alumni UMS Prof. Madya Dr. Raman Noordin serta pegawai-pegawai utama dan kanan UMS.



**KUNJUNGAN:** Yusof menandatangani buku pelawat sejeurus selepas tiba di UMS.



**TAKLIMAT:** Yusof mendengar sesi taklimat perkembangan semasa serta pencapaian terkini UMS.